



1

MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 01/2016

Rujukan : Bil (1) dlm.MBI.B1/12/1/12 JLD.2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh
29 Januari 2016

Setiausaha Bandaraya
Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

KUASA MELULUS PERBELANJAAN DAN PEROLEHAN MAJLIS

Dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan dalam perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa merujuk kepada memo Bil.(33)dlm.MBI.B1/5/2/13 bertarikh 30 Oktober 2015, pihak Pengurusan Majlis telah bersetuju dan memutuskan had kuasa melulus perbelanjaan. Berikut adalah peringkat kelulusan bagi Permohonan Pembelian dan Pengesahan Baucer Bayaran.

BIL.	JAWATAN	KUASA MELULUS	HAD PEROLEHAN
1.	DATUK BANDAR	SEMUA PTJ	IKUT HAD KELULUSAN PEKELILING KEWANGAN BIL : 1/2011
2.	SETIAUSAHA BANDARAYA	SEMUA PTJ	RM5,000.00
3.	PENGARAH KANAN (Pentadbiran & Kewangan) PENGARAH KANAN (Infrastruktur & Operasi) PENGARAH KANAN (Perancangan & Pembangunan)	MENGIKUT JABATAN YANG DIPERTANGGUNGJAWAB / SEKTOR	RM5,000.00
4.	PENGARAH JABATAN	MENGIKUT JABATAN	RM5,000.00
5.	KETUA PEJABAT / KETUA BAHAGIAN	PEJABAT MASING-MASING (mengikut kelulusan)	RM1,000.00


ARAHAN KEWANGAN BIL. 01/2016

Rujukan : Bil () dlm.MBI.B1/12/1/12 JLD.2

3. Kuasa melulus perbelanjaan dan menandatangani Permohonan Pembelian (MBI 2/86) tidak boleh diturunkan kepada pegawai yang memangku / menanggung kerja dan perlu dibawa kepada Kuasa Melulus yang lebih tinggi kecuali Y. Bhg. Datuk Bandar telah menurunkan kuasa meluluskan perbelanjaan kepada pegawai berkenaan. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.
4. Kerjasama dan tindakan lanjut dari pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan kelancaran proses perolehan dan pembayaran Majlis.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,


(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Joh